

WACANA SIMBIOSIS PEMBANGUNAN MAPAN PELBAGAI DIMENSI NEGERI PAHANG

(Symbiosis Discourse on Multidimensional Established Development of Pahang State)

Jalaluddin Abdul Malek

ABSTRAK

Pembangunan dalam era moden difahami berasaskan kadar pertumbuhan fizikal, ekonomi dan kemajuan manusia. Kemerosotan alam sekitar impak daripada pembangunan era moden diperbaiki melalui idea-idea pembangunan mampan (lestari atau *sustainable*) sama ada mengguna pengetahuan kolonial atau mengambil kira kearifan lokal. Perbincangan ini menyentuh isu pembangunan lestari yang perlu dikembang pemahamannya dan tidak hanya berlingkar dalam hal-hal alam sekitar. Pembangunan mampan sepatutnya mengambil kira semua aspek pembangunan sama ada pembangunan fizikal, ekonomi dan pembangunan manusia. Pembangunan mampan bukan sahaja bertujuan untuk 'lestari' pembangunan fizikal, ekonomi, manusia dan budaya, tetapi seharusnya menuju kepada pembangunan mapan (*cita sempurna* atau *established*). Pembangunan mapan boleh sahaja bersifat tesis, anti-tesis dan sintesis di antara sumber ilmu kolonial dengan ilmu kearifan lokal. Menjadi harapan hasil perbincangan ini matlamat utama pembangunan mapan dapat sederap dengan pembangunan mampan sebagaimana yang difahami menurut sintesis antara ilmu kolonial dengan kearifan lokal.

Kata Kunci: Pembangunan, Pelbagai Dimensi, Mapan, Manpan, Pahang

ABSTRACT

Development in the modern era to understand the growth rate based on physical, economic and human progress. The impact of environmental degradation is improved through the development of the modern era ideas of sustainable development use knowledge whether colonial or taking into account local knowledge. The discussion touched on the issue of sustainable development which should be expanded understanding and not just curled up in environmental matters. Sustainable development should take into account all aspects of development, whether physical, economic and human development. Sustainable development is not only intended to 'sustainable' physical, economic, human and culture, but it should lead to established development (perfect, ideals or prosperity). Multidimensional established development can only be a thesis, anti-thesis and synthesis between science resources of colonial and indigenous knowledge. Hope the results of this discussion of the main goals of established development can symbiosis to sustainable development as it was understood by the synthesis between colonial knowledge and local knowledge.

Keywords: Development, Multi-Dimensional, Established, Sustainability, Pahang

PENGENALAN

Pembangunan dalam era moden difahami berasaskan kadar pertumbuhan fizikal, ekonomi dan kemajuan manusia. Kemerosotan alam sekitar impak daripada pembangunan era moden diperbaiki melalui idea-idea pembangunan mampan (cita lestari atau *sustainable*) sama ada mengguna pengetahuan kolonial atau mengambil kira kearifan lokal. Perbincangan ini menyentuh isu pembangunan lestari yang perlu dikembang pemahamannya dan tidak hanya berlingkar dalam hal-hal alam sekitar. Pembangunan mampan perlu mengambil kira semua aspek pembangunan politik dan pentadbiran, ekonomi, demografi, sosio-budaya, infrastruktur, teknologi dan inovasi, pendidikan, perundangan dan alam sekitar (PESITELE). Pembangunan mampan bukan sahaja bertujuan untuk 'lestari' kan PESITELE, tetapi seharusnya menuju kepada pembangunan mapan (cita sempurna, *right to development* atau *established*). Pembangunan mapan boleh sahaja bersifat tesis, anti-tesis dan sintesis di antara sumber ilmu kolonial dengan ilmu kearifan lokal. Pembangunan negeri Pahang boleh menjadi titik mula simbiosis pembangunan mapan yang sederap dengan pembangunan mampan sebagaimana yang difahami menurut ilmu kolonial dan ilmu kearifan lokal.

MAKNA PEMBANGUNAN

Makna pembangunan selalunya difahami sangat bersifat subjektif. Namun, sifat subjektif pembangunan boleh sahaja bersifat objektif sekiranya sesuatu matlamat pembangunan itu dapat ditentukan dengan jelas, boleh dipercayai (trust), boleh guna, dan memberi faedah yang maksimum kepada manusia sebagai penerima pembangunan. Pembangunan bukan bersifat mundur ke belakang, tetapi melangkah jauh maju ke hadapan (DeFillipis & Seagert 2012 dan Jalaluddin Abdul Malek 2014a). Kemajuan yang dicipta melalui pembangunan boleh sahaja bersifat evolusi, revolusi dan transformasi. Apa sahaja kemajuan pembangunan yang hendak dicitakan, sebagai seorang Islam makna pembangunan tidak lengkap jika tidak merujuk kepada ayat Al Quran seperti mana firman Allah swt kepada manusia;

'Dialah menjadikan bumi bagi kamu; mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah dan ingatlah kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat dari Nya dan takutilah kemurkaanNya' (Surah al-Mulk 67:15)

Makna pembangunan mempunyai perbezaan pandangan oleh pemerintah dan pentadbir, oleh penerima pembangunan dan oleh ahli profesional yang terlibat dalam pembangunan. Sudut pandangan pemerintah dan pentadbir, makna pembangunan ialah boleh menghasilkan kekayaan negara serta kemakmuran dan kesaksamaan rakyat untuk kebaikan bangsa, agama dan negara (macro utilitarian). Sudut pandangan penerima pula mereka mahukan pembangunan yang terbaik, memberi faedah yang semaksimum mungkin, agihan sama rata, membuka peluang ekonomi dan dapat mengurangkan ancaman kesejahteraan kehidupan (micro utilitarian). Sebab itu terdapat suasana di mana satu cadangan pembangunan baik pada pandangan pemerintah dan pentadbir, tetapi dari sudut penerima pembangunan melihat pembangunan itu boleh mengancam kesejahteraan hidup mereka. Sudut pandangan ahli profesional yang terlibat dengan

pembangunan lebih melihat kepada sejauh mana baiknya perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan yang hendak dilaksanakan (utilitarian process). Menurut ahli professional sesuatu pembangunan yang hendak dilaksan perlu menurut garis panduan dan peraturan yang ada supaya memberi keadilan kepada semua pihak, hasilnya tersusun dan menepati sasaran yang hendak dibangunkan. Selalunya ahli professional menjadi 'penghubung' dan 'penenang atau pengaman' suasana jika berlaku pertentangan antara pihak yang terlibat dengan pembangunan. Walaupun ketiga-tiga pihak memberi pandangan yang berbeza, secara universalnya halatuju pembangunan mesti menuju ke arah kebaikan. Pembangunan yang terbaik dapat menunjukkan ciri-ciri menegak kebenaran dan mengurang kebatilan (Islah) (Wan Mohd Nor Wan Daud 2005).

Berdasar firman Allah swt di atas, Dari sudut pandangan agama khususnya agama Islam, pembangunan merupakan satu jalan kesempurnaan dari sudut Tauhid, Syaria'at dan Tasauf yang mencakupi aspek jasmani, rohani dan pemikiran. Pembangunan menurut Islam dapat mendidik manusia supaya taat perintah Allah dan RasulNya. Ini terbukti Rasulullah saw membina tamadun Madinah al-Munawarah bermula dengan tamadun kemanusiaan Islam, kemudiannya berkembang kepada kemajuan material dan non-material yang lain. Rasulullah saw merupakan tokoh agung menunjukkan contoh pembangunan berasaskan perjuangan kebenaran di sisi Allah swt yang mesti diikuti oleh umatnya. Baginda merupakan pelopor wahid terhadap pembangunan mampan dan pembangunan mapan yang sukar ditandingi sehingga masa kini (Zulkifli Mohamad al-Bakri 2014 dan Jalaluddin Abdul Malek 2014b).

Malaysia khususnya negeri Pahang Darul Makmur sudah mengalami kefahaman dan amalan pembangunan setelah menempuh era pembangunan modenisasi (pengisian kemerdekaan), era pembangunan mampan, dan kini mungkin sudah bersedia untuk merealisasikan aspek pembangunan mapan dalam menuju negeri maju berasaskan Wawasan 2020. Oleh sebab itu kefahaman terhadap pembangunan perlu difikirkan semula sama ada hanya mengambil kira pembangunan mampan atau sederap dengan pembangunan mapan.

PEMBANGUNAN MAMPAN ATAU PEMBANGUNAN MAPAN

Bermula pengisian kemerdekaan, model awal pembangunan Malaysia ialah pembangunan modenisasi yang mempunyai tujuan murni untuk kesejahteraan, adil dan seimbang dalam seluruh kehidupan rakyat. Aspek ekonomi dan pembangunan fizikal sangat diberi keutamaan sehingga aspek pembangunan jasmani, rohani, pemikiran dan amalan penduduk kurang diberi perhatian. Pembangunan Felda merupakan contoh terbaik model pembangunan modenisasi luar bandar yang tidak ada dalam mana-mana negara di dunia ini. Setelah menyedari kelemahan pendekatan modenisasi pada awal tahun 1980an pendekatan pembangunan mampan atau lestari (Sustainable) telah diperkenalkan yang membawa maksud mengekalkan pencapaian dan prestasi yang baik dengan tidak merosakkan sumber alam serta warisan untuk generasi yang akan datang. Aspek utama yang diberi penekanan ialah menjaga dan memulihara alam sekitar supaya tidak terancam oleh kemajuan pembangunan modenisasi (Pitzl 2004 dan Jalaluddin Abdul Malek et al 2014b).

Motif pembangunan mampan ialah untuk cita lestari iaitu berdaya maju, mewah dan bertahan lama. Isu pembangunan mampan sering diperdebatkan sejak konsep ini diperkenalkan

pada tahun 1987 dalam Laporan Bruntland. Pembangunan mampan atau lestari memberi implikasi berbeza terhadap asas perancangan negara dalam semua aspek PESITELE. Pembangunan mampan telah memberi makna perlu wujudnya keseimbangan dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial serta budaya masyarakat. Namun persoalannya, adakah wujud keseimbangan yang dimaksudkan itu atau yang kita cari selama ini tidak tercapai? Persoalan ini perlu dijawab dalam ruang lingkup pandangan dunia, bidang keilmuan dan melihat juga amalan yang telah dilakukan selama ini. Rentak dan irama pembangunan mampan telah berubah sejak Sidang Kemuncak Bumi Rio de Janeiro pada 1992. Semua negara diberi amaran tentang perlunya manusia menjaga dan memulihara alam sekitar sewaktu giat mengejar kemajuan modenisasi. Walaupun begitu, konsep pembangunan mampan itu sukar untuk ditakrif, difahami dan lebih-lebih lagi digunakan dalam semua aspek pembangunan negara. Pembangunan mampan tetap diperjuangkan, sehingga kini telah mengundang perbahasan berterusan dalam kalangan negara, cendekiawan dan di peringkat lokal.

Pemilihan yang terbaik untuk meredakan kemelut dan persoalan pembangunan mampan ialah mencari halatuju pembangunan yang paling tepat. Halatuju pembangunan yang paling tepat untuk dijadikan landasan ialah pembangunan mampan. Pembangunan mampan membawa maksud satu pembangunan yang menghasilkan pengukuhan, stabil atau mantap (*established*) dalam semua aspek PESITELE (al-Muqaddasi 2001 & al-Farabi 1998). Motif pembangunan mampan ialah cita sempurna (Syed Hussein al-Atas 2000) atau dikenali juga sebagai '*right to development*' (Great Britain Parliament 2013). Paling tepat makna pembangunan mampan ialah seperti mana firman Allah swt dalam al-Quran:

'Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi ini; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan' (Surah al-Qasas, 28: 77)

Berdasarkan firman Allah swt di atas, *Islah* iaitu menegakkan kebenaran dan mengurangkan kebatilan dalam pembangunan merupakan ciri utama pembangunan mampan (Wan Mohd Nor Wan Daud 2005). Pembangunan mampan atau '*Right to development*' mengintegrasikan kedua-dua aspek hak asasi manusia, dan teori pembangunan serta amalan yang dilakukan. Pembangunan mampan juga merangkumi semua aspek hak asasi manusia dari sudut sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Pembangunan mampan memerlukan penyertaan aktif, bebas dan bermakna dari semua pihak malah melibatkan kedua-dua dimensi lokal, nasional dan global. Dalam pembangunan mampan, tanggungjawab negeri ialah untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih baik kepada manusia, menuntut dasar pembangunan yang menyeluruh yang berpaksikan kemanusiaan, serta dari segi proses dapat mengurangkan kerosakan dan ancaman terhadap pembangunan itu sendiri.

Pengajaran dari pembangunan mampan yang bersifat *Islah* dan '*Right to development*' ialah menekankan aspek pemuafakatan di samping penekanan kepada proses penyertaan rakyat dalam pembangunan demi mencapai keadilan sosial dan ekuiti yang adil. Pembangunan mampan

kena mengurangkan ancaman hak asasi manusia, tiada diskriminasi, terbuka penyertaan, mempunyai ketelusan, bersifat akauntabiliti serta mempunyai kerjasama stakeholders yang bersepadu, efektif dan efisien. Pembangunan mapan dapat dibayangkan satu halatuju pembangunan menentukan nasib sendiri (atau negeri) dan memberi kedaulatan penuh ke atas kekayaan alam semula jadi dan sumber negeri. Pembangunan mapan memang bersifat holistik terhadap isu kemiskinan dengan menangani punca sistemik serta spesifik dari sudut struktur, human agensi dan budaya (Sengupta, Negi & Basu 2005 dan Jalaluddin Abdul Malek et al 2014b).

Islah dalam pembangunan mapan jika diambil manfaat halatujunya dapat menzahirkan negara sejahtera dan memberi rahmat untuk semua (Baidatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur). Negara yang mempunyai semangat jatidiri yang kuat pada semua peringkat kehidupan. Baidatun Toyyaibatun tersebut bermakna yang mempunyai penuh kebaikan, dan dijauhi sebarang kemungkaran (musibah). Semua ini telah disebutkan dalam Surah Saba' (34: 15). Cendikiawan barat sendiri mengakui negara sejahtera menepati pembangunan mapan antaranya J.B. Colbert berkata 'Kebesaran sesuatu negara, tidak diukur dengan luas daerahnya tetapi diukur daripada watak masyarakatnya'; Robespriere berkata 'Negara yang merdeka adalah negara yang mana hak-hak manusia dihormati dan semua undang-undang bersifat adil'; Plato berkata 'Orang tidak lahir bagi dirinya sendiri, tetapi bagi negaranya'; Albert Camus berkata 'Saya perlu mencintai negara saya dan keadilan'; serta E.R. Bulwer Lython berkata 'Setiap orang mencintai dan bangga pada negaranya sendiri, kerana dia dilahirkan di negara itu' (dalam Zulkifli Mohamad al-Bakri 2014).

Halatuju pembangunan mampan dan pembangunan mapan sebenarnya mempunyai kaitan antara hubungan mikro-makro dan makro-mikro. Motif pembangunan mapan lebih kepada cita sempurna yang disokong motif cita lestari (makro-mikro), manakala cita lestari menjadi pendukung atau petunjuk kepada pembangunan mapan (mikro-makro). Namun begitu apa yang berlaku secara realiti masih terdapat perbezaan di antara pembangunan mapan dengan pembangunan mampan di mana; Sumber ilmu pembangunan mampan lebih bersumber kepada ilmu kolonial yang bersifat sekular dan material, sedangkan sumber ilmu pembangunan mapan mengambil kira sumber kearifan lokal tanpa menolak nilai-nilai baik sepunya yang lain. Dari segi hakikat ilmu; pembangunan mampan menjaga sumber dan warisan supaya dapat diwarisi secara berterusan oleh generasi yang akan datang, manakala pembangunan mapan menjaga semua aspek pembangunan supaya memberi faedah hubungan antara manusia dengan Penciptanya, manusia dengan manusia yang lain serta manusia dengan persekitarannya yang tidak terbatas kepada zaman, waktu dan tempat. Dari segi metod, pembangunan mampan lebih condong kepada metod sinergi iaitu saling berkaitan dan saling berhubungan antara sektor tetapi masih ada ruang yang luas untuk anasir tertentu mencabar pembangunan mampan, sedangkan pembangunan mapan condong kepada metod simbiosis yang bersifat melekat dan sederap (tidak boleh dipisahkan lagi) dalam pelbagai sektor pembangunan sehingga menutup ruang-ruang ancaman pembangunan. Manakala dari segi nilai (axiology) pembangunan mampan dinilai dalam aspek etika dan estetika yang bersandar kepada hujah material, manakala pembangunan mapan dinilai kepada etika, estetika dan iman (hati) yang gabungan antara material dan non-material, bersifat tulus dan menyeluruh dalam semua aspek PESITELE nya.

Hubungan pembangunan mampan dengan pembangunan mapan secara realiti di peringkat lokal, nasional dan global boleh dilihat coraknya iaitu; Pertama tiada pembangunan mampan dan tiada pembangunan mapan. Keadaan ini disebabkan tiada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang menyeluruh terhadap satu-satu pembangunan sehingga hilang arah halatuju, kerosakan dan kelemahan banyak berlaku serta melahirkan kemajuan negara yang lemah. Pada akhirnya pembangunan negara memasuki zaman gelap sehingga timbul isitilah 'dark age' atau negara nekropolis. Kedua, ada pembangunan mampan tetapi tiada pembangunan mapan. Keadaan banyak berlaku kepada negara-negara sedang membangun kerana masih muda dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan. Masih ada peluang untuk maju ke hadapan jika memperbaiki kelemahan yang ada. Ketiga, satu keadaan di mana berlawanan kedua-dua jenis pembangunan ini iaitu pembangunan mampan VS pembangunan mapan. Dalam keadaan ini menunjukkan menolak sebahagian nilai baik dan menerima sebahagian nilai yang baik kerana ketidakfahaman erti pembangunan sama ada di peringkat awam, pihak NGO, pihak swasta dan agensi kerajaan. Wujud keadaan yang mana hendak dicapai dahulu dan yang mana perlu dikemudiankan. Dalam keadaan ini aktiviti input, proses, *output*, *outcome* dan impak perlu memainkan peranan supaya hasil pembangunan tidak lagi berlaku pertentangan antara motif pembangunan mampan dengan motif pembangunan mapan. Keadaan realiti pembangunan yang paling baik ialah motif pembangunan mampan sederap dengan motif pembangunan mapan (pembangunan mampan + pembangunan mapan) seperti mana yang dihuraikan sebelum ini. Pada hubungan ini negara yang sejahtera mudah mencapai objektif pembangunan kerana dapat menegakkan keadilan serta kebenaran, dan dapat mengurangkan kelemahan dan ancaman (Jalaluddin Abdul Malek 2014a).

Dalam membicarakan pelaksanaan pembangunan mapan di peringkat lokal, metod pembangunan *top-down-bottom-up* kurang sesuai bila pihak berkuasa tempatan masih merasa pandai atau bijak segala-galanya. Pemerintah dan pentadbir perlu berubah kerana rasa pandai dan bijak segala-gala sudah berakhir disebabkan pembangunan sekarang terikat dengan dunia persaingan. Prinsip menterjemah rancangan pembangunan negara perlu ditambah kepada usaha menterjemah keperluan lokal atau tempatan. Pembangunan mapan yang partikular memerlukan pemuafakatan bijak di antara pelaksana pembangunan dengan penerima pembangunan. Bila pihak berkepentingan tempatan diberi peranan ianya menjadi motivasi ke arah 'sense of belonging' setiap pembangunan yang hendak dilakukan. Pembangunan mapan mengembangkan konsep *good governance* kepada *human governance*, kemudian seterusnya dalam era transformasi berkembang kepada *intelligent governance* (Jalaluddin Abdul Malek 2012). Konsep *Intelligent governance* memerlukan kearifan merancang halatuju pembangunan mapan yang sesuai dengan iklim tempatan. Ini bermakna ilmu karifan lokal mesti diambil kira supaya tidak hanya bergantung kepada ilmu kolonial sahaja. Pembangunan mapan melalui sistem pendidikan perlu terus mengutamakan acuan tempatan dengan kembali kepada memperkuat jati diri dan yakin kepada warisan yang ada. Akhirnya, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pembangunan mapan menurut acuan sendiri semakin menebal dan budaya muafakat dalam pembangunan dapat diterapkan.

PEMBANGUNAN MAPAN, ILMU KOLONIAL VS KEARIFAN LOKAL

Ilmu Kolonial; Berdasarkan sumber Ilmu kolonial orientasi perbahasan pembangunan mampan dan mapan masih berkisar kepada persoalan kemajuan ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran yang berpaksi kepada matlamat kebendaan (DeFilippis & Saegert 2012 dan Syari'ati 1989). Pengalaman dalam negara kita bila menerima idea pembangunan modenisasi dari negara maju sering terjadi mereka yang lebih beruntung kerana mempunyai modal yang lebih besar dan menguasai teknologi yang lebih maju. Negara dunia ketiga seolah-olah tidak mempunyai pilihan terpaksa mengguna idea modenisasi ilmu colonial atas sebab-sebab kepentingan dunia perniagaan dan faktor-faktor politik. Sudah banyak idea modenisasi dari negara maju yang dieksport ke negara dunia ketiga antaranya tujuh pendekatan pembangunan seperti di bawah. Berjaya atau tidak kemajuan negara dunia ketiga dari proses modenisasi barat tersebut bergantung kepada kebijakan negara penerima menerima dan mengolah idea pembangunan menurut acuan tempatan.

Pertama, pendekatan pertumbuhan bersifat material aliran Keynesian yang mengguna strategi industrialisasi yang tertumpu kepada penanaman modal besar di negara dunia ketiga. Model kemajuan negara maju kononnya menjadi ubat mujarab untuk kemajuan negara dunia ketiga. Lalu diperkenal ukuran tingkat pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam tempoh yang singkat. Ukuran kemajuan pembangunan berdasar kepada berapa banyak modal yang dilaburkan dalam ekonomi makro dan pertumbuhan ekonomi KNK, KDNK yang tinggi menjadi petunjuk kepada kemajuan negara dunia ketiga. Pencapaian pembangunan tersebut sebenarnya bertembung dengan masalah lain di negara dunia ketiga hasil impak pembangunan seperti pengangguran, jenayah, migrasi desa-bandar yang tinggi, dan kemusnahan alam sekitar. Untuk menutup kelemahan tersebut maka muncul idea-idea baru pembangunan seperti kelestarian, ekonomi liberal, kualiti hidup dan lainnya untuk menampal kerosakan impak pembangunan melalui pendekatan pertumbuhan tadi.

Kedua, Pendekatan pertumbuhan dan agihan. Pendekatan ini berkembang sekitar awal 1970an yang melihat perkembangan ekonomi perlu disertakan strategi agihan. Pembangunan pelbagai dimensi telah mula disedari dengan melihat ukuran kemajuan pembangunan kepada tiga sektor utama iaitu; pertama ukuran mengenai kemajuan sosio budaya di antaranya ialah budaya pertanian, dualisme, urbanisasi dan kelas menengah; kedua, ukuran berkisar politik seperti integrasi, sentralisasi kekuasaan, penyertaan politik, dan kebebasan kelompok; dan yang ketiga ukuran-ukuran ekonomi berbentuk agihan seperti GNP, sumber alam, penanaman modal, modenisasi, industrialisasi dan perkhidmatan. Semua ukuran tersebut diyakini dapat membedakan kemajuan sesuatu negara sama ada yang mundur, sedang maju dan negara maju. Negara yang kurang maju dan sedang maju senantiasa dilihat dalam ketimpangan dan kemunduran negara misalnya menghadapi masalah kemiskinan, terdapat perbezaan kelas yang tinggi, migrasi besar-besaran dari desa ke kota, dan perbezaan kemajuan ekonomi antara kaum dan daerah. Faktor-faktor tersebut dijadikan syarat untuk diperbaiki, jika tidak dijadikan senjata oleh negara maju untuk menekan ekonomi negara mundur. Negara yang sedang maju terpaksa mengguna metod pembangunan 'top-down' untuk menyelesaikan soal kemiskinan, migrasi dan agihan kek ekonomi supaya negara mereka dianggap aman dan layak menerima pelaburan asing dari negara maju.

Ketiga, Pendekatan paradigma kebergantungan yang ideanya dipelopori oleh Cardoso & Faletto (1979) di mana negara dunia ketiga dan negara sedang maju bergantung kemajuan kepada negara-negara maju sebelah utara. Kebergantungan dari segi modal dan teknologi dari negara maju telah menyebabkan aliran pelaburan negara maju ke negara kurang maju bercambah. Pelaburan daripada negara maju sebelah utara ke negara kurang maju sebelah selatan dianggap memberi kemajuan kepada negara terbabit. Namun, apa yang terjadi penguasaan ekonomi dan pelaburan tersebut telah menjejaskan sumber dan alam sekitar di negara penerima pelaburan iaitu negara dunia ketiga. Persoalannya, biarpun pembangunan negara-negara selatan bergantung kepada modal dan teknologi negara-negara sebelah utara, negara tersebut masih mundur. Kelompok yang mendapat faedah besar hanya terdiri dari kelompok elit peniaga dan kelompok penguasa politik dalam negara kurang maju tersebut. Sementara pencapaian keseluruhan ekonomi makro dan mikro negara tersebut tetap pada tahap rendah. Sebagai tindakan jangka panjang negara sedang maju yang hendak berkembang perlu membebaskan diri daripada paradigma 'kebergantungan' kepada negara-negara pemodal tadi. Namun, realitinya negara dunia ketiga kurang mempunyai keyakinan diri, semangat jatidiri yang lemah dan tidak yakin dengan kearifan lokal mereka sendiri.

Keempat, Pendekatan Tata Baru Dunia (New World Order) muncul selepas berakhir era perang dingin. Hasil kajian The Club of Rome, gagasan untuk 21st Century iaitu pembangunan 100 tahun yang akan datang perlu di kawal oleh semua negara dunia agar tidak terjadi bencana pertumbuhan ekonomi yang malap, pertumbuhan penduduk tidak terkawal, peningkatan pencemaran alam sekitar dan penguasaan bahan-bahan mentah yang memusnahkan warisan akan datang. Dominasi MNCs dan TNCs juga menjadi kebimbangan terhadap ekonomi negara dunia ketiga. Oleh sebab itu gagasan *New World Order* (tata baru dunia) juga diterjemah dalam tata baru ekonomi dilancarkan dengan tujuan untuk melindungi keperluan kemajuan ekonomi negara dunia ketiga. Impaknya wujud istilah pembangunan era globalisasi walaupun ditentang oleh banyak negara sama ada secara terang, samar dan halus. Kesannya China membuka tabir besi ekonominya untuk pelaburan asing. Sehingga kini negara China semakin tinggi kadar pertumbuhan ekonominya berbanding USA hasil daripada kemajuan perindustrian dan kemasukan ramai pelabur asing ke negeri tersebut.

Kelima, pendekatan keperluan asas (Basic needs). Pendekatan ini berkembang Berdasarkan ketidakseimbangan hubungan antara negara Utara-Selatan, negara selatan-selatan telah merumuskan pendekatan pembangunan keperluan pokok atau pendekatan keperluan asas. Tiga sasaran yang diberi perhatian; pertama membuka lebih banyak peluang pekerjaan dengan meningkatkan keupayaan sumber tenaga tempatan; kedua meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalaman yang mampan; ketiga pembangunan yang hendak dilakukan mesti melihat kepada keperluan sebenar rakyat supaya tidak berlaku pembaziran. Perhatian yang khusus kepada pembangunan untuk kepentingan rakyat mula diberi penekanan utama sehingga muncul gagasan pembangunan seperti gagasan 1Malaysia di mana moto utamanya ialah 'Rakyat didahulukan Pencapaian diutamakan'. Ukuran pembangunan non-material mula diperkenalkan seperti ukuran terhadap kualiti hidup, ukuran kebahagiaan dan ukuran kesejahteraan.

Keenam, pendekatan berdikari iaitu lawan kepada pendekatan ilmu kolonial yang ketiga. pendekatan ini merupakan strategi ampuh negara-negara dunia ketiga untuk melepaskan diri dari

ketergantungan kepada modal dan teknologi negara maju. Konsep berdikari menekankan kepada dua perkara utama; pertama menguatkuasa hubungan ekonomi dua hala yang menguntungkan kedua-dua pihak (*win-win situation*); kedua mengguna secara berhemah sumber jaya dan kemampuan negara sendiri kemudian dipadankan dengan corak pembangunan ekonomi global untuk disesuaikan dengan iklim tempatan. Proses pembangunan pendekatan berdikari itu memberi penekanan terhadap keefisienan input, proses, *ouput*, *outcome* dan impak sebagai panduan utama sebelum sesuatu pembangunan itu hendak dilakukan.

Ketujuh, pendekatan kelestarian atau mampan iaitu pembangunan berlanjutan (*sustainable development*). Bila berlakunya perubahan pembangunan yang begitu pantas pada tahun 2000an dan wujud isu pemanasan global (*global warming*) telah menyedarkan negara dunia ketiga bahawa tidak boleh bergantung kepada negara maju sepenuhnya untuk memakmur dan melestarikan pembangunan di negara mereka. Sehubungan itu pembangunan mampan difahami bukan sahaja menyentuh soal penjagaan alam sekitar, tetapi bertujuan untuk kemajuan berlanjutan dalam semua aspek pembangunan. Pembangunan mampan dari pelbagai dimensi ini bertujuan untuk memastikan mutu hidup yang lebih baik kepada generasi masa kini dan untuk generasi yang akan datang. Pembangunan mampan juga bertujuan untuk melindungi sumber dalam pelbagai sumber pembangunan seperti sumber ekonomi, sumber alam dan sumber sosio budaya. Namun, ada didapati idea pembangunan mampan ini menekan balik negara dunia ketiga misalnya ketetapan perdagangan yang disyaratkan oleh WTO (*World Trade Organization*) dan dalam perindustrian serta perkhidmatan oleh ISO (*International Organizations for Standardization*). Untuk mengeksport barangan misalnya disyaratkan kepada semua negara perlu memenuhi ISO14000. Terdapat negara dunia ketiga tidak mempunyai kepatuhan ISO14000 akhirnya barangan keluaran mereka tidak dapat dieksport.

Melihat kepada tujuh pendekatan pembangunan dalam kapsul ilmu kolonial, pendekatan pembangunan yang dikemukakan berkait rapat dengan etika universalisme yang melihat seolah-olah negara maju membantu memajukan negara kurang maju atau negara sedang maju. Idea universalisme yang diperkenalkan belum tentu jelas dari segi keikhlasan negara maju untuk membantu pembangunan negara kurang maju. Apa yang penting negara bangsa khususnya negara kurang maju dan sedang maju perlu balik kepada jatiditi dengan arus balik merujuk kepada kearifan lokal untuk merealisasikan pembangunan mapan.

Kearifan lokal; Perbincangan sumbangan kearifan lokal dalam pembangunan mapan boleh dilihat dalam dua sumber ilmunya. Pertama sumber ilmu kearifan lokal bersumber ilmu tamadun nusantara, kedua dari sumber ilmu tamadun Islam yang telah menjadi paradigma kepada kearifan lokal sebagai asas kemajuan tamadun nusantara apa bila berlaku kedatangan Islam.

Bersumber ilmu tamadun nusantara; Dalam kawasan nusantara pembangunan mapan sudah lama diterjemahkan berdasarkan tamadun yang wujud hasil kearifan lokal masyarakat mereka. Kerajaan-kerajaan meretim seperti Sriwijaya, Gangga Negara, Kedah Tua, Langkasuka, Empayar Melaka dan kerajaan selepas era kolonial Portugis banyak melahirkan idea dan pelaksanaan pembangunan mapan hasil kearifan lokal masyarakatnya. Taromba Melayu misalnya banyak mengandungi kearifan lokal yang menjadi panduan kemajuan tamadun sama ada berpaksikan Istana, berpaksikan keDatuan atau berpaksikan kearifan lokal rakyat jelata. Taromba Melayu boleh didapati sama ada secara lisan atau tertulis. Antara skop pembangunan

mapan Taromba Melayu ialah berkaitan dengan institusi tempatan, adat dan hukum, etika dan estetika, biografi keturunan serta menyentuh aspek kewilayahan. Ada berapa contoh Taromba Melayu yang menggambarkan kearifan lokal pembangunan mapan, pertama Batu Bersurat Prasasti Talang Tuwo semasa kerajaan Sriwijaya Palembang pada Abad ke 7 yang catatannya mengenai pembangunan taman negara dan penjagaan alam sekitar untuk melahirkan negara yang mampan dan mapan; Kedua, Kitab Kasipalli (turun temurun) dari kerajaan Melayu-Bugis-Makassar Sulawesi Selatan yang membicarakan tentang menjaga adat, alam persekitaran dan sumber alam untuk warisan generasi yang akan datang sehingga kini pembangunan mapannya diamalkan oleh suku Kajang di Sulawesi; Ketiga, sastera lisan Bujang Tan Domang (BTD) asalnya daripada dituturkan secara lisan di antara orang Petalangan, suku asli Riau yang hidup di empat kecamatan di Kabupaten Kampar, Riau (Effendy 1997). Empat kecamatan tersebut adalah Pengkalan Kurus, Bunut, Langgam, dan Kuala Kampar. BTD membicarakan perkara mengenai adat dan perlembagaan sosial yang mengatur kehidupan orang Petalangan, termasuk yang berkaitan dengan kekuasaan atas hutan-tanah (tanah ulayat); Keempat Kitab Simbur Cahaya daripada Kerajaan Palembang pada Abad 17. Kitab ini mengatur pemerintahan, menjaga wilayah dan sumber alam negeri untuk melahirkan negara yang aman dan makmur; Kelima, Kitab Babul Qawai'd daripada Kerajaan Siak pada Abad 18-19. Kitab ini mengandungi hukum adat pembatasan wilayah pemerintahan, nilai-nilai yang perlu dipatuhi untuk menjadi rakyat yang madani, dan mengatur pembangunan negeri supaya mapan. Contoh Pembangunan Mapan dari petikan Batu Bersurat Prasasti Talang Tuwo (Abad ke 7);

'Pada tanggal 23 Mac 684 Masehi, pada saat itulah taman ini yang dinamakan Śrīksetra dibuat di bawah pimpinan Sri Baginda Śrī Jayanāśa. Inilah niat baginda: Semoga yang ditanam di sini, pohon kelapa, pinang, aren, sagu, dan bermacam-macam pohon, buahnya dapat dimakan, demikian pula bambu haur, waluh, dan pattum, dan sebagainya; dan semoga juga tanaman-tanaman lainnya dengan bendungan-bendungan dan kolam-kolamnya, dan semua amal yang saya berikan, dapat digunakan untuk kebaikan semua makhluk, yang dapat pindah tempat dan yang tidak, dan bagi mereka menjadi jalan terbaik untuk mendapatkan kebahagiaan. Jika mereka lapar waktu beristirahat atau dalam perjalanan, semoga mereka menemukan makanan serta air minum. Semoga semua kebun yang mereka buka menjadi berlebih (panennya). Semoga suburlah ternak bermacam jenis yang mereka pelihara, dan juga budak-budak milik mereka. Semoga mereka tidak terkena malapetaka, tidak tersiksa karena tidak bisa tidur. Apa pun yang mereka perbuat, semoga semua planet dan bintang menguntungkan mereka, dan semoga mereka terhindar dari penyakit dan ketuaan selama menjalankan usaha mereka. Dan juga semoga semua hamba mereka setia pada mereka dan berbakti, lagipula semoga teman-teman mereka tidak mengkhianati mereka dan semoga istri mereka menjadi istri yang setia. Lebih-lebih lagi, di mana pun mereka berada, semoga di tempat itu tidak ada pencuri, atau orang yang mempergunakan kekerasan, atau pembunuh, atau penzinah. Selain itu, semoga mereka mempunyai seorang kawan sebagai penasihat baik; semoga dalam diri mereka lahir pikiran Boddhi dan persahabatan (...) dari Tiga Ratna, dan semoga mereka tidak terpisah dari Tiga Ratna itu. Dan juga semoga senantiasa (mereka bersikap) murah hati, taat pada peraturan, dan sabar;

semoga dalam diri mereka terbit tenaga, kerajinan, pengetahuan akan semua kesenian berbagai jenis; semoga semangat mereka terpusatkan, mereka memiliki pengetahuan, ingatan, kecerdasan. Lagi pula semoga mereka teguh pendapatnya, bertubuh intan seperti para mahāsattwa berkekuatan tiada bertara, berjaya, dan juga ingat akan kehidupan-kehidupan mereka sebelumnya, berindra lengkap, berbentuk penuh, berbahagia, bersenyum, tenang, bersuara yang menyenangkan, suara Brahmā. Semoga mereka dilahirkan sebagai laki-laki, dan keberadaannya berkat mereka sendiri; semoga mereka menjadi wadah Batu Ajaib, mempunyai kekuasaan atas kelahiran-kelahiran, kekuasaan atas karma, kekuasaan atas noda, dan semoga akhirnya mereka mendapatkan Penerangan sempurna lagi agung.'

(Van Ronkel dan Bosch adalah sarjana pertama yang menterjemahkan catatan Batu Bersurat Prasasti Talang Tuwo kemudian telah diterbitkan dalam Acta Orientalia. Since 1920 inskripsi disimpan di Muzium Nasional Indonesia, Jakarta, di bawah nombor inventori D.145.)

Kearifan lokal bersumber ilmu Islam; Kearifan lokal bersumberkan ilmu Islam juga tidak kurang menyumbang kepada kemajuan pembangunan mapan tamadun Nusantara seperti idea pembangunan negara al-Madina al-Fadila oleh al-Farabi (872 – 951 M) Abad ke 10. Pembangunan al-Madina al-Fadila menekankan aspek kesatuan (ta'awun), kebahagiaan (al-sa'adah), masyarakat yang unggul (insan al-kamil) dan Khalifah yang bijak dan adil (al-Umara) (al-Farabi 1998). Konsep negara al-Madina al-fadila ini mempunyai kaitan dengan teras pembentukan perlembagaan negara iaitu Islam, Raja dan Melayu. Islam merujuk kepada simbol dan sumber ilmu, Raja merujuk kepada simbol kekuasaan khalifah, pemerintahan dan keadilan, manakala Melayu merujuk kepada simbol rakyat bersatu padu dan ketaatannya. Konsep pembangunan mapan ahsan al-Taqasim oleh al-Muqaddasi (945-991 M) Abad ke 10 juga menjadi asas pembangunan kota mapan. Sumber ilmunya berasaskan Al-Quran, Hadis, itjimak dan qias di mana elemen tanah, air, udara dan api menjadi unsur utama pembangunan mapan kota. Al-Muqaddasi ialah sarjana pertama yang memperkenalkan konsep hirarki atau *ranking* pembangunan kota (al-Muqaddasi 2001). Konsep hirarki yang diperkenalkan al-Muqaddasi adalah lebih awal dari idea Christaller pada tahun 1933 (Abad ke 20) iaitu teori hirarki *Central Place Theory* (Pitzl 2004), serta ukuran indeks kemajuan pembangunan seperti laporan *Human Development Index*. Petunjuk hirarki kemajuan mapan kota terhasil kerana manusia (insan) sebagai unsur paling utama kemajuan dan makhluk yang sentiasa melakukan perubahan. Mapan atau tidak kota tersebut bergantung kepada sejauh mana insan mentadbir urus unsur tanah, air, udara dan api dengan berpandu kepada pandangan dunia (world view), ilmu, amal dan kekuatan iman.

Kearifan lokal pembangunan mapan dalam dunia moden juga terdapat unsur-unsur Islam. Sya'riati (1986) melihat unsur pemikiran manusia menjadi perkara pokok kemajuan pembangunan mapan. Tamadun boleh maju atau mundur jika pemikiran manusia boleh berubah daripada intelektual konservatif kepada intelektual progresif. Manusia bukan sahaja mendidik diri menjadi muslim, mukmin, muhsin, mukhlis atau mutaqqin tetapi dapat menjadi pemikir, reform dan pencetus (Rausyanfikir) terhadap tamadun masyarakat mereka. Bermula daripada Rausyanfikir jatidiri, Rausyanfikir kelompok atau masyarakat, Rausyanfikir nasional,

Rausyanfikir serantau sehinggalah kepada Rausyanfikir ummah manusia perlu menyumbang di tingkat mana menurut kemampuan masing-masing. Idea pembangunan mapan berasaskan Sufism oleh Mohd Fathullah Gullen telah menjadi pencetus kepada pembangunan manusia abad ini. Melalui Yayasan Hezmet beliau telah berjaya membuat kebajikan kepada semua manusia yang layak tanpa mengira agama, bangsa dan negara. Bagi Gulen (2005), agama Islam adalah rahmat seluruh alam yang selayaknya memberi manfaat kepada sejagat. Berdasarkan idea pembangunan mapan berasaskan Sufism, unsur pembangunan yang utama ialah mencakupi bidang fizikal, spiritual dan mental, manakala manusia perlu membangun dan berubah dari aspek hati (niat), fikiran dan penampilan diri (jasadnya). Ilmu menjadi pokok penting untuk merealisasikan pembangunan dan manusia tadi yang mana amalan Sufism mereka menjadi tonggak utama kefahaman tentang teologi dan aturan hidup demi mengurus pembangunan mapan dan manusia yang cemerlang (insan al kamil).

Malaysia tidak kurang mempunyai kearifan lokal untuk pembangunan mapan seperti Wawasan 2020, transformasi Model Ekonomi Baru (MEB), Gagasan 1Malaysia, Bandar Selamat oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Desa Lestari oleh KKLW, Komuniti Sejahtera oleh PDRM, Komuniti 1Malaysia oleh Jabatan Penerangan Malaysia serta falsafah perancangan dan pembangunan sejagat oleh JPBD (2011). Falsafah perancangan dan pembangunan sejagat misalnya menjelaskan hubungan antara manusia dengan Penciptanya, hubungan manusia dengan manusia yang lain, serta hubungan manusia dengan persekitarannya. Kesemua hubungan itu dipandu oleh pandangan alam, berilmu dan beramal yang baik oleh manusia itu sendiri sama ada berperanan sebagai pemerintah, pentadbir, merancang, membangun dan sebagai penerima pembangunan. Sekiranya semua hubungan tadi dipandu oleh ilmu yang dimanfaatkan serta minda dan pemikiran yang bersih, maka pembangunan mapan di peringkat negara, bandar dan desa dapat direalisasikan.

SINTESIS PEMBANGUNAN MAPAN

Sumber ilmu kolonial dan kearifan lokal boleh dimanfaatkan untuk menjadi panduan merancang, membangun dan menyelia pembangunan mapan. Nilai-nilai baik dalam ilmu kolonial perlu diambil sempadan kemajuan dengan tidak mengenyepikan kearifan lokal yang ada. Perubahan penekanan pembangunan mampan kepada pembangunan mapan boleh menjadi realiti bila sintesis antara ilmu kolonial dengan kearifan lokal. Sintesis tersebut terkandung dalam tiga aspek perubahan iaitu perubahan struktur, human agensi dan budaya. Perubahan struktur menyentuh kepada persoalan yang berkaitan dengan polisi, pemerintahan, mekanisme, infrastruktur, dan governan. Perubahan human agensi menyentuh persoalan yang berkaitan dengan pembangunan manusia dan proses kemajuan manusia seperti modal insan, modal manusia, dan modal persekitarannya. Perubahan budaya menyentuh persoalan berkaitan dengan budaya, kepercayaan, amalan, pegangan dan ikutan seperti sikap, pemikiran, daya usaha, keupayaan, etik dan moral.

Hubungan antara struktur, human agensi dan budaya tersebut ada yang boleh dikawal dan ada yang di luar kawalan. Jika struktur terlalu dominan terhadap human agensi dan budaya misalnya maka sistem pemerintahan terlalu autokratik. Begitu juga jika human agensi terlalu menguasai budaya dan struktur, maka pembangunan akan menjadi kurang tersusun, terjadi kekacauan dan kegiatan anarkis boleh berkembang. Akhirnya pembangunan mapan dari segi

PESITELE sukar untuk direalisasikan. Oleh sebab itu, pembangunan menurut ilmu kolonial dan kearifan lokal perlu memahami kehendak dan halatuju pembangunan mapan itu sendiri. Dalam memahami makna pembangunan mapan, pihak pemerintah (struktur) kena berpegang kepada tindakan untuk memakmur dan mensejahterakan negara dengan merangka polisi, strategi dan tindakan yang paling sesuai. Pihak human agensi (manusia) pula perlu bertindak dengan rela hati, saksama dan mengguna keupayaan menurut ilmu pengetahuan dan amalan yang baik demi mencapai kebahagiaan hakiki dalam pembangunan mapan. Sementara persekitaran budaya yang sesuai untuk daya huni (berdaya huni) adalah tanggung jawab bersama pihak pemerintah (struktur) dan rakyat jelata (human agensi) untuk menyediakannya. Hubungan timbal balik ketiga-tiga aspek struktur, human agensi dan budaya tadi dapat menghasilkan kehidupan generasi yang mewah (berpendapatan tinggi), mempunyai persekitaran taraf hidup yang wajar, taraf kualiti hidup yang tinggi dan dapat menemui kebahagiaan yang hakiki. Namun, ketiga-tiga hubungan timbal balik tadi memerlukan penghubung (relational) yang mengikat dan mengubung sederap semua kemajuan sektor PESITELE pembangunan mapan. Dari sudut struktur, perlu ada penghubung antara *stakeholders* pembangunan mapan misalnya ruang untuk bekerjasama antara kerajaan, pihak swasta, pihak universiti, NGOs dan NPOs, serta pihak awam sendiri (Jalaluddin Abdul Malek et al 2014a dan Jalaluddin Abdul Malek 2010). Manakala dari sudut human agensi, pihak penghubungnya ialah badan profesional dan ahli-ahlinya yang mendidik masyarakat tentang pembangunan mapan sama ada melalui seminar, kempen, majlis penerangan atau memberi latihan menurut kurikulum pembelajaran pembangunan yang mapan. Dari sudut persekitaran budaya pula, perlu ada elemen penghubung sokongan yang merealisasikan perjalanan halatuju pembangunan mapan seperti penggunaan jaringan ICT, media sosial, jaringan sosial, khidmat masyarakat dan sukarelawan, serta menunjukkan tata susila yang baik untuk dicontohi (Lange 2004). Jika semua kesepaduan hubungan ini bertindak efisien, bermakna cita sempurna pembangunan mapan seperti mana yang dianjurkan oleh Taromba Melayu, al-Farabi, al-Muqaddisi, Sya'ariati dan Gullen boleh direalisasikan tanpa mengharap sepenuhnya dari metod ilmu kolonial sebagai mana yang kita hadapi selama ini.

Perkembangan pembangunan nasional sekarang menuntut tranformasi yang jelas sama ada di peringkat kerajaan, peringkat institusi ekonomi dan gerakan rakyat. Slogan 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' boleh berjaya jika kita semua bertindak berasaskan kearifan lokal. Negara kita sudah mencapai kemerdekaan 57 tahun dan banyak pengalaman modenisasi yang telah dialami. Namun begitu, kita masih tercari-cari model pembangunan menurut acuan sendiri yang sesuai dengan iklim negara ini yang mempunyai penduduk berbilang kaum, kepercayaan dan agama. Dalam pada itu nilai tata susila hidup bernegara semakin tipis dalam kalangan sesetengah rakyat terutama golongan muda. Semangat jatidiri dan roh perlembagaan 'Islam, Raja dan Melayu' serta kontrak sosial gagal difahami sepenuhnya oleh generasi muda. Oleh sebab itu, dalam era transformasi ini selain daripada memahami keperluan sebenar rakyat (input, proses dan *output*), halatuju pembangunan mapan juga perlu hasil yang lebih murni (*outcome* dan impak) supaya kemajuan material tidak menenggelamkan kemajuan bukan material. Demi keharmonian dan kemajuan negara serta rakyat, sudah sampai masanya dengan kekuatan kearifan lokal yang ada, strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy - BOS) digunakan. Strategi lautan biru berbeza dengan strategi lautan merah (Red Ocean Strategy- ROS). Strategi ROS lebih kepada halatuju pembangunan mampan, sedangkan strategi BOS halatuju yang diutamakan ialah pembangunan mapan. Perbezaan khusus antara BOS dengan ROS ialah; pertama ROS pembangunannya berasaskan penawaran dan agihan (top-down – bottom-up),

manakala BOS pembangunannya berdasarkan permintaan dengan mengenal pasti keperluan sebenar rakyat hasil rundingan dan muafakat (collaborative) dengan *stakeholders*. Kedua, ROS mementingkan budaya kepenggunaan dan rakyat hanya sebagai penerima pembangunan, manakala BOS rakyat berperanan sebagai pengeluar dan penyumbang kepada pembangunan negara. Ketiga, ROS melihat asas pembangunan mapan berpaksikan sejauh mana maklumat dapat sampai kepada rakyat untuk mereka bertindak, sedangkan BOS melihat bukan sahaja maklumat perlu sampai kepada rakyat, tetapi ilmu pengetahuan sebagai modal mengupayakan rakyat untuk terlibat dalam pembangunan negara demi mencapai pembangunan mapan yang dicita-citakan.

Kesimpulannya, sintesis antara ilmu kolonial dan kearifan lokal tidak merugikan negara dalam era transformasi ini demi mencapai pembangunan mapan di samping pembangunan mampan. Kekuatan jatidiri perlu ada supaya kita ada kekuatan untuk menolak idea-idea pembangunan yang tidak sesuai dengan iklim dan kehendak penduduk negara kita. Bertindak sebagai Rausyanfikir (pencetus, pengubah dan reform) perlu ada pada semua pihak sama ada pemerintah, pentadbir dan rakyat supaya pembangunan mapan menjadi realiti dan mudah mencapai objektif (Syari'ati 1989). Pembangunan mapan menurut kearifan lokal memerlukan tindakan hisbah atau strategi muhasabah diri untuk melihat kelebihan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi setelah satu-satu pembangunan itu dijalankan. Setiap penemuan hasil muhasabah diri sama ada yang positif dan negatif perlu diterima dengan hati yang terbuka. Untuk mengatasi kelemahan yang ada konsep muafakat perlu ada dalam pembangunan mapan sama ada di peringkat lokal dan nasional.

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN MAPAN PELBAGAI DIMENSI NEGERI PAHANG

Pencapaian pembangunan mapan pelbagai dimensi negeri Pahang hanya dilihat kepada pencapaian semasa berasaskan sumber maklumat sekunder. Tujuan utama ialah untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada supaya dapat bersama-sama merangka halatuju pembangunan mapan pada masa hadapan. Pencapaian ini dilihat dari sudut aspek struktur, pembangunan manusia (human agency) dan aspek budaya.

Struktur; Pertumbuhan KDNK Negeri Pahang pada tahun 2012 ialah 5.8% dengan nilai KDNK bertambah kepada RM30.9 Billion berbanding RM29.2 Billion pada tahun 2011 (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang 2014a). Negeri Pahang telah menyumbang kepada KDNK negara pada tahun 2012 sebanyak 4.1%. Sumbangan ini masih rendah berbanding Perak dan Sabah yang masing-masing menyumbang 5.3% dan 5.9% kepada KDNK negara (Jabatan Perangkaan Malaysia 2013). Negeri Pahang menduduki tempat kelapan menyumbang kepada KDNK negara di mana penyumbang utama yang teratas ialah negeri Selangor, WP Kuala Lumpur, Sarawak, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Perak. Namun begitu sumbangan Negeri Pahang kepada KDNK negara dalam bidang pertanian antara yang tertinggi iaitu 20 %, di samping Kelantan (24.2%), Perlis (23.9%) dan Sabah (20.8%) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2013). Negeri Pahang berpotensi mengguna sumber tanah yang ada untuk meningkatkan pengeluaran pertanian berasas makanan supaya dapat mengurangkan kadar import bahan makanan untuk keperluan negara. Sehubungan itu Program Transformasi Desa (RTP) dan pelaksanaan

Model Baru Ekonomi Luar Bandar perlu diperkasakan supaya dapat memberi *outcome* dan impak yang tinggi terhadap KDNK, khususnya dalam bidang pertanian negara.

Infrastruktur dan infostruktur penting untuk kemudahan rakyat dan sebagai modal kepada kemajuan pembangunan negeri Pahang. Ambil contoh kemudahan kesihatan negeri Pahang antara yang tertinggi kurang mendapat khidmat doktor perubatan. Pada tahun 2011 didapati nisbah doktor perubatan dengan bilangan penduduk negeri Pahang ialah 1:1,093 orang, bersama W.P. Labuan (1:2,642 orang), Sabah (1:1,770 orang), Sarawak (1:1,363 orang), Terengganu (1:1,139 orang), Johor (1:1,117 orang) dan Kedah (1:1,042 orang), berbanding negeri lain nisbah setiap doktor perubatan dengan bilangan penduduknya di bawah seribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2012). Infostruktur maklumat penting untuk kemajuan pembangunan mapan sebagai medium untuk berkomunikasi sama ada kemudahan *broadband* atau *broadband wireless*. Negeri Pahang kadar penembusan jalur lebarnya masih rendah berbanding peringkat nasional. Pada tahun 2010 kadar penembusan jalur lebar negeri Pahang ialah 44.5% berbanding pada tahun 2011 kadar penembusan jalur lebar ialah 49.0%. Pertambahan sebanyak 4.5% sahaja. Sedangkan kadar penembusan jalur lebar nasional Malaysia ialah 55.6% pada tahun 2010 dan 62.3% pada tahun 2011 iaitu naik kepada 6.7% (Jabatan Perangkaan Malaysia 2012).

Pembangunan Manusia; Pendapatan purata isi rumah di Pahang pada tahun 2012 ialah sebanyak RM3,745 iaitu masih jauh lagi dengan purata pendapatan isi rumah nasional iaitu RM5,000. Sedangkan indeks harga pengguna di negeri Pahang meningkat pada tahun 2012 daripada 104.4 pada bulan Januari, kepada 104.9 pada bulan Jun dan terus meningkat kepada 105.8 pada bulan Disember (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang 2014b). Kenaikan indeks harga pengguna ini jika tidak dikawal boleh menjejaskan taraf hidup isi rumah kerana menghadapi harga barangan keperluan yang semakin mahal. Kadar kemiskinan di negeri Pahang pada tahun 2012 ialah 1.3%, manakala kadar kemiskinan tegar ialah 0.2% iaitu sama dengan kadar kemiskinan tegar nasional. Kadar kemiskinan ini dilihat dari sudut pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM720 (miskin) dan kurang daripada RM430 (miskin tegar) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2013). Dalam menuju pembangunan mapan, kemiskinan yang difahami bukan sahaja dari sudut kekurangan pendapatan, tetapi merujuk juga kepada kemiskinan terhadap peluang, kemiskinan jiwa dan kemiskinan moral seperti terlibat dengan jenayah, penagihan dadah dan keruntuhan rumah tangga. Dari segi sumbangan tenaga pekerja profesional kepada negara pada tahun 2011, negeri Pahang masih pada tahap rendah iaitu 3.7% berbanding dengan negeri Johor (8.5%), Perak (7.6%) dan Sabah (7.6%). Manakala enrolmen kemasukan ke Universiti negeri Pahang semakin menurun iaitu daripada 11,515 orang pada tahun 2011 kepada 10,947 orang sahaja pada tahun 2012. Berbanding dengan negeri Sarawak meningkat daripada 9,570 orang pada tahun 2011 kepada 10,260 orang pada tahun 2012 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Adalah diharapkan kadar kemasukan yang menurun ini hanya bersifat sementara.

Budaya; Berdasarkan kejadian jenayah yang berlaku di antara tahun 2011-2012 di negeri Pahang berbanding dengan negeri-negeri lain, kadar perubahan (bertambah atau menurun) kejadian jenayah menurun kepada 6.25%, berbanding dengan Negeri Sembilan meningkat kepada 9.06%. Namun begitu dari segi jumlah kemudahan balai polis dan pondok polis dibanding dengan kepadatan penduduk daerah-daerah negeri Pahang tidak seimbang. Daerah Kuantan sebagai contoh yang mempunyai kepadatan penduduk 170 orang per km persegi dengan

mempunyai 65 JKKK hanya terdapat 14 balai polis dan pondok polis. Sedangkan daerah Bentong yang mempunyai kepadatan penduduk 66 orang per km persegi dengan mempunyai 27 JKKK mempunyai 16 balai polis dan pondok polis. Kejadian jenayah yang berlaku dalam nisbah 100,000 penduduk, daerah Kuantan paling tinggi iaitu 693 kejadian jenayah dan daerah Bentong kedua tertinggi 427 kejadian jenayah (Lampiran 1) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2013). Kadar penceraian orang Islam di negeri Pahang naik sedikit daripada 2,140 orang (2010) meningkat kepada 2,186 orang (2011). Kadar penceraian tersebut antara yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain jika diambil jumlah 2,000 orang sebagai paras bahaya kadar penceraian. Sementara bilangan penagih dadah di negeri Pahang dapat diturunkan dari 1,198 orang (2010) kepada 701 orang (2011) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2012). Adalah diharapkan pencapaian ini menjadi titik tolak untuk mengurangkan lagi bilangan penduduk yang terlibat dengan penagihan dadah.

Berdasarkan pencapaian pembangunan negeri Pahang dalam aspek struktur, human agensi dan budaya, didapati ada pencapaian positif dan ada mencapai keputusan yang negatif. Namun apa yang paling penting semua pihak di negeri Pahang perlu bersatu tenaga khusus rakyatnya untuk membangun Pahang sebagai negeri maju pada tahun 2020. Seluruh rakyat negeri Pahang mesti mempunyai iltizam dan cita-cita untuk memperjuangkan pembangunan mapan iaitu menegakkan kebenaran, keadilan dan faedah maksimum dari pembangunan. Dalam waktu yang sama mengelakkan anasir dan kejadian yang boleh mengancam kemajuan pembangunan negeri. Semua perkara dapat diatasi jika semua pihak dalam negeri Pahang mempunyai ciri dan minda Rausyanfikir dan mampu menggerakkan Islah dengan mengguna sumber-sumber yang ada termasuk kearifan lokal yang boleh dimanfaatkan. Sehubungan itu, pembangunan mapan yang hendak dilaksana perlu ada proses analisis keperluan pembangunan (Development Needs Analysis-DNA) kemudian disusuli prosedur operasi standard pembangunan (Development Standard Operation Procedure - DSOP) dan yang terakhir analisis impak pembangunan (Development Impact Assessment – DIA) (Jalaluddin Abdul Malek & Norizan Abd Razak 2010).

KESIMPULAN

Pembaharuan atau Islah yang hendak dilakukan perlu mengambil kira pelbagai aspek pembangunan serta mengarah kepada pembangunan mapan di samping pembangunan mampan. Pembangunan mapan memerlukan kekuatan politik, kesatuan sosial dan semangat jati diri yang kuat. Konsep asas yang terdapat dalam Perlembagaan perlu diperkuatkan lagi untuk kejayaan pembangunan mapan iaitu Islam (sebagai asas pegangan dan sumber ilmu), Raja (sebagai simbol pemerintahan dan simbol demokrasi), Melayu (sebagai simbol rakyat jelata yang taat setia dan berketrampilan) serta kontrak sosial yang telah termaktub. Pembangunan mapan perlu ada premis CoE untuk merealisasikan sintesis ilmu kolonial dengan kearifan lokal di mana Kursi Pengajian Pahang (KPP) boleh memainkan peranan sebagai pusat sehenti kajian mengenai pembangunan mapan Pahang dan dihubungkan dengan isu serantau serta global.

RUJUKAN

- al-Farabi, A. N. (1998). *On the perfect state*. (terj.). Chicago: KAZI Publications.
- Al-Muqaddasi. (2001). *The best divisions for knowledge of the regions*. (terj.). Reading, UK: Garnet Publishing.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang. (2013). *Laporan Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur 2010-2011 'Pahang Menjana Transformasi'*. Kuantan. Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang. (2014a). *Laporan Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur 2012-2013 'Pahang Menjana Transformasi'*. Kuantan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang. (2014b). *Data Asas Pahang 2012-2013 'Pahang Menjana Transformasi'*. Kuantan. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Cardoso, F.H. & Faletto, E. (1979). *Dependency and development in Latin America* (terj.). Berkeley : University of California Press.
- DeFilippis, J. & Saegert, S . (2012). *The community development reader*. London: Routledge.
- Effendy, T. (1997). *Bujang Tan Domang : Sastera lisan orang petalangan*. Yogyakarta : Yayasan Bentang Budaya.
- Great Britain Parliament, House of Commons, International Development Committee. (2013). *Post-2015 Development Goals: Eighth Report of Session 2012-13, Vol. 1: Report, Together with Formal Minutes, Oral and Written Evidence (House of Commons Papers)*. London. Series: House of Commons Papers.
- Gulen, M.F. (2005). *The statue of our souls : Revival in Islamic thought and activism*. New Jersey, USA : The Light, Inc.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). *Akaun Negara KDNK Negeri 2005-2012*. Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Bank data negeri/daerah Malaysia*. Putrajaya : Jabatan Perangkaan.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. (JPBD). (2011). *Falsafah perancangan dan pembangunan sejagat*. Kuala Lumpur: JPBD, KPKT.

- Jalaluddin Abdul Malek. (2010). Informative global community development index of intelligent city. *WSEAS TRANSACTIONS ON INFORMATION SCIENCE AND APPLICATIONS*, Vol. 7(1) :112-121.
- Jalaluddin Abdul Malek. (2012). Membangun pekerja pengetahuan di Kawasan *Technopole*: Merealisasikan permuafakatan pintar industri kecil dan sederhana di BHTV dan MSC. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, Vol. 8 (7): 111-124.
- Jalaluddin Abdul Malek. (2014a). Intelektual Pembangunan : Antara yang menyumbang dan mendandang. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, Vol. 10 (1): 147-159.
- Jalaluddin Abdul Malek. (2014b). Wacana pemikiran *techno cities* tentang bandar pengetahuan. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, Vol. 10 (2): 80-94.
- Jalaluddin Abdul Malek & Norizan Abdul Razak. (2010). The digital social impact in ICT literacy Programme for rural community. *WSEAS TRANSACTIONS ON INFORMATION SCIENCE AND APPLICATIONS*, Vol. 7(1) :1305-1314.
- Jalaluddin Abdul Malek et.al (2014a). Sustainable environmental management and preservation knowledge among multi-ethnic residents. *Asian Journal of Scientific Research*, Vol. 7 (4): 546-560.
- Jalaluddin Abdul Malek et.al. (2014b). Symbiotic relationship between telecentre and lifelong learning for rural community development: A Malaysia experience. *TOJET, The Turkish Online Journal of Educational Technology*, Vol. 13 (3): 148-155.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Perangkaan Pendidikan Negara Sektor Pengajian Tinggi 2012. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lange, M. (2004). *Building Institutional Capacity for Conflict-Sensitive Practice: The Case of International NGOs*. London: International Alert.
- Pitzl, G. R. (2004). *Encyclopedia of Human Geography*. Westport, USA: Greenwood Pub.
- Sengupta, A., Negi, A. & Basu, M. (eds). 2005. *Reflections on the right to development*. London: Sage Pub.
- Syari'ati, A. (1986). *What is to be done: The enlightened thinkers and an Islamic renaissance* (terj.). Houston, Texas: The Institute for Research and Islamic Studies.
- Syari'ati, A. (1989). *Membangun masa depan Islam; Pesan untuk para intelektual muslim*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Syed Hussein Alatas. 2000. *Cita sempurna warisan sejarah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. *Negara sejahtera: Rahmat untuk semua- Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Jalaluddin Abdul Malek
FSSK, UKM
jbam@ukm.edu.my